

0083

U 8298 DEB
UMNO - SAMAN R R R

KUALA LUMPUR, 16 FEB (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA PIHAK YANG MENYAMAN UMNO SEBENARNYA TIDAK MENGAMBIL BERAT AKAN KEPENTINGAN UMNO YANG MUNGKIN DIHARAMKAN EKORAN TINDAKAN MEREKA.

PERDANA MENTERI BERKATA MEREKA SEPATUTNYA MENARIK BALIK ATAU TIDAK MEMBAWA KES BERKENAAN KE MAHKAMAH SEKIRANYA MEREKA BENAR-BENAR MENGAMBIL BERAT AKAN KEPENTINGAN UMNO.

+KALAU TAKUT UMNO DIHARAMKAN, MEREKA SEPATUTNYA PADA KETIKA ITU MENARIK BALIK ATAU TIDAK MENGADAKAN KES ITU KE MAHKAMAH KERANA MACAM-MACAM PERKARA BOLEH BERLAKU,+ KATANYA KEPADA PEMBERITA KETIKA MENGUMUMKAN PENUBUHAN UMNO BARU, SELEPAS BELIAU MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT BARISAN NASIONAL DI SINI HARI INI.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA DEMIKIAN SEBAGAI MENGULAS TUDUHAN BAHAWA BELIAU TIDAK BERUSAHA UNTUK MENJAGA KEPENTINGAN UMNO DENGAN TIDAK MENGGUNAKAN SEKSYEN 70 AKTA PERTUBUHAN SEDANGKAN BELIAU MEMPUNYAI HAK BERBUAT DEMIKIAN.

SEBELAS ANGGOTA UMNO TELAH MENGEMUKAKAN SAMAN DI MAHKAMAH TINGGI SUPAYA MENGISYTIHARKAN PERHIMPUNAN AGUNG UMNO 24 APRIL LEPAS BATAL DAN TIDAK SAH DAN MEMOHON PERINTAH MAHKAMAH SUPAYA PERHIMPUNAN AGUNG DAN PEMILIHAN DIADAKAN SEMULA.

KETIKA MENOLAK TUNTUTAN ITU BARU-BARU INI, MAHKAMAH MEMBUAT KEPUTUSAN BAHAWA UMNO TIDAK SAH MENGIKUT PERUNTUKAN AKTA PERTUBUHAN. -- LAGI.

1603MST 16 02 88

U 8303 AAB
UMNO - SAMAN 2 KUALA LUMPUR R R R

SEMALAM BEKAS MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN TENGGU RAZALEIGH HAMZAH DALAM KENYATAANNYA BERKATA: +PUCUK PIMPINAN UMNO BOLEH MENGGUNAKAN KEBIJAKSANAANNYA DI BAWAH SEKSYEN 70 AKTA PERTUBUHAN BAGI MENYELAMATKAN UMNO BAHKAN SEBELUM HAL ITU DIBAWA KE MAHKAMAH. MALANGNYA HAL INI TIDAK DILAKSANAKAN.+

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA YANG ANEHNYA PIHAK BERKENAAN TIDAK MENINGATKAN MENGENAI PERKARA ITU SEBELUM KEPUTUSAN MAHKAMAH ITU DIBUAT.

+TENTULAH MEREKA JUGA SEDAR AKAN PERUNTUKAN INI DAN PATUT MEMBERITAHU KITA BAHAWA MEREKA RELA SUPAYA SEKSYEN 70 ITU DIGUNAKAN, DAN OLEH ITU KES MEREKA AKAN GAGAL.+

BELIAU BERKATA SETELAH DIBERITAHU OLEH PEGUAM MEREKA BAHAWA KALAU DITEKANKAN JUGA BAHAWA 30 CAWANGAN ITU TIDAK SAH DAN KEMUNGKINAN UMNO DIHARAMKAN, MEREKA TETAP JUGA TIDAK MENARIK KES ITU.

+SEKARANG INI MEREKA CUBA MENYALAHKAN PIHAK LAIN. YANG KITA TAHU SEKIRANYA KES INI TIDAK DIBAWA KE MAHKAMAH, UMNO TIDAK AKAN DIHARAMKAN,+ TEGAS PERDANA MENTERI. -- LAGI.

1618MST 16 02 88

U 8308 DEB
UMNO - SAMAN 3 KUALA LUMPUR R R R

+SEPATUTNYA SEMUA MASALAH DALAM UMNO DISELESAIKAN DALAM MAJLIS TERTINGGI TETAPI MEREKA MASIH DEGIL UNTUK MEMBAWA KES ITU KE MAHKAMAH WALAUPUN DIBERITAHU INI MUNGKIN MENYEBABKAN UMNO DIHARAMKAN.

+TETAPI PADA MASA INI MEREKA BERKATA, KITA TAK MENGGUNAKAN SEKSYEN 70. DAN SAYA TIDAK TAHULAH APA LAGI TUDUHAN YANG AKAN DILEMPARKAN KEPADA UMNO OLEH MEREKA YANG TIDAK MAHU MENERIMA KEPUTUSAN PERHIMPUNAN AGUNG UMNO YANG LEPAS ITU,+ KATA DATUK SERI DR MAHATHIR.

KETIKA DITANYA SIAPAKAN ANTARA ANGGOTA MAJLIS TERTINGGI PARTI YANG TIDAK MENDUDUKI JAWATANKUASA PENAJA PARTI UMNO BARU ITU, BELIAU BERKATA: +KITA AKAN BERITAHU KEMUDIAN. ... ANDA BOLEH TEKA AGAKNYA.+

+KALAU ADA ORANG YANG HENDAK KE TEMPAT LAIN, TAKKAN KITA NAK PANGGIL SAMA, ...ORANG YANG MENGHALANG PARTI, ... MEROSAKKAN PARTI DAN YANG AKHIRNYA MENGHARAMKAN PARTI... KITA TAK BOLEH TERIMA.+

KETIKA DITANYA MENGENAI SAMA ADA DATUK MUSA HITAM TERLIBAT DALAM PENUBUHAN JAWATANKUASA PENAJA UMNO BARU ITU, BELIAU BERKATA YANG TERLIBAT IALAH MT DAN DATUK MUSA BUKAN ANGGOTA MT. -- LAGI.

1632MST 16 02 88

D102

U 8311 AAB
UMNO - SAMAN 4 KUALA LUMPUR R R R

DITANYA SAMA ADA BELIAU AKAN MENERIMA JIKA DATUK MUSA MEMOHON MENJADI ANGGOTA UMNO BARU ITU, BELIAU BERKATA: +KITA AKAN MENELITINYA, MALAHAN SEMUA PIHAK BOLEH MEMOHON.+

MENGENAI TENGGU RAZALEIGH PULA, BELIAU BERKATA BAHAWA BUKAN BELIAU SEORANG SAHAJA YANG AKAN MEMBUAT KEPUTUSAN UNTUK MENERIMA SESIAPA MENYERTAI UMNO BARU ITU.

KATANYA, BELIAU JUGA MENERIMA SURAT TAWARAN DARIPADA BEKAS PERDANA MENTERI TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ UNTUK MENJADI ANGGOTA JAWATANKUASA PENAJA PENUBUHAN UMNO MALAYSIA YANG TELAH DITOLAK PENDAFTARANNYA.

BAGAIMANAPUN; KATANYA, OLEH KERANA BELIAU DAN ANGGOTA MT TIDAK DAPAT MEMEGANG JAWATAN DALAM PARTI LAIN, BELIAU TIDAK DAPAT MENERIMA TAWARAN ITU.

+LAGIPUN PENUBUHAN PARTI ITU TELAH DITOLAK,+ KATA PERDANA MENTERI.

MENGENAI PERLANTIKAN DATUK MOHAMAD RAHMAT SEBAGAI SETIAUSAHA UMNO BARU ITU, BELIAU BERKATA INI DISEBABKAN BEKAS SETIAUSAHA AGUNG UMNO DATUK SERI SANUSI JUNID KINI SAKIT DAN SEDANG BERADA DI AMERIKA SYARIKAT.

KATA BELIAU DATUK SERI SANUSI BERANGKAT KE AMERIKA PADA 12 FEB. -- BERNAMA.

1643MST 16 02 88